

24/06/2002

Reaksi spontan pengumuman Dr Mahathir

Mior Kamarul Shahid

SEGALA-GALANYA berlaku dalam sekelip mata. Boleh dikatakan semua orang tergamam, hanya dengan kurang seminit sewaktu Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bercakap mengenai hasratnya untuk meletakkan jawatan. Beliau dihalang dan dipujuk supaya tidak meneruskan ucapannya kerana ia boleh memberi implikasi yang amat besar kepada parti dan negara. Jika pada setiap masa sepanjang empat hari Perhimpunan Agung Umno 2002 berlangsung boleh dikatakan ada saja kelihatan orang berlegar di merata penjuru di dalam bangunan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), tetapi pada jam 5.58 petang kelmarin, semua mereka tercegat membisu.

Masing-masing memandang sesama sendiri dan tidak tahu apa yang patut mereka lakukan. Suasana yang sebelumnya begitu heboh ibarat pesta, tiba-tiba menjadi sunyi sepi.

Mereka tidak sedikit pun menyangka Dr Mahathir akan membuat pengumuman yang begitu mengejutkan. Sepanjang ucapannya, beliau sedikit pun tidak menunjukkan isyarat bahawa satu pengumuman akan dibuat di akhir ucapannya. Beliau mengulas, bercakap dan berjenaka seperti biasa sebagaimana dilakukannya sewaktu menggulung perbahasan dalam persidangan sebelum ini. Ia diibaratkan tidak ada angin yang boleh menyebabkan pokok bergoyang.

Namun, Dr Mahathir manusia yang begitu berbeza. Pemikiran beliau begitu sukar diramal. Hasratnya untuk meletakkan jawatan difikirkannya bersendirian kerana sedar tidak ada orang yang akan bersetuju dengan hasratnya untuk meletakkan jawatan jika perkara itu dibincangkan dengan orang lain. Apa pun, pengumumannya menyebabkan rakyat tersentak.

Pengumumannya menyebabkan orang ramai di sekitar PWTC kaku. Jika ada pun melihat pergerakan orang ialah ketika yang duduk mula berdiri dan yang agak jauh meluru ke peti-peti televisyen yang berada di luar dewan persidangan. Mereka menjadi bisu.

Jika ada pun melihat orang bercakap, bibir menguit-nguit tetapi suara mereka menggeletar, tidak jelas biji butir apa yang mereka pertuturkan. Semuanya berlaku dalam sekelip mata. Mereka yang sedang makan meninggalkan makanan, tidak sempat meneguk air di atas meja manakala yang sedang memesan makanan, meninggalkan pesanan mereka. Mereka berkejar ke sana ke mari untuk mencari kepastian. Di bahagian paling riuh - gerai jualan - kegiatan jual-beli seolah-olah terhenti seketika. Suara peniaga yang biasanya riuh untuk melariskan jualan mereka tiba-tiba menjadi tidak bermaya. Minat untuk membeli barangan jualan juga beralih kepada perkara yang lebih penting - untuk mengetahui apa sebenarnya berlaku.

Suasana hanya menjadi seperti sedia kala apabila keadaan dapat diredakan. Di dalam Dewan Merdeka, keadaan agak kecoh. Jika sebelum ini arahan Pengerusi Tetap, Tun Sulaiman Ninam Shah, supaya perwakilan tidak membuat bising sentiasa dipatuhi, pada saat itu, mereka tidak menghiraukan apa juga permintaan beliau. Malah, anggota Majlis Tertinggi (MT) yang mengerumuni Dr Mahathir sedikit pun tidak menghiraukan permintaannya supaya mereka mengambil tempat masing-masing.

Apabila saluran siaran lintas langsung menerusi kaca televisyen dari dalam dewan dimatikan, keadaan di luar menjadi kian tegang. Ramai yang cuba meluru untuk masuk ke dalam dewan walaupun mereka bukan perwakilan. Pintu dewan terpaksa ditutup.

Ramai yang kelihatan menangis yang bukan dibuat-buat. Di sana sini juga kedengaran bunyi telefon bimbit berdering-dering, panggilan yang diterima oleh mereka di dalam dewan itu entah dari mana datangnya. Di bilik

wartawan yang sentiasa dipenuhi petugas, serta-merta menjadi lengang. Sebahagian besar wartawan meluru keluar untuk mendapat gambaran sebenar apa yang berlaku. Mereka hanya kembali setelah mendapat pengesahan bahawa pengumuman mengenai hasil rundingan di antara Dr Mahathir dan Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, serta wakil MT akan dibuat apabila persidangan disambung semula. Begitulah antara suasana di luar dewan persidangan.

Walaupun orang berkata perasaan orang sukar dibaca, namun susulan pengumuman Dr Mahathir itu, sebenarnya ada ketikanya tidak sukar untuk meneka apa yang difikirkan. Daripada reaksi dan raut wajah, perasaan mereka boleh dibaca dengan mudah. Daripada kawan-kawan dan cerita dari kampung, perasaan resah bukan saja menyelubungi sekitar PWTC, malah di seluruh negara. Ada yang menceritakan emak, bapa, datuk dan nenek mereka menangis tersedu-sedan ketika menonton dan mendengar ucapan Dr Mahathir. Mujurlah segala-galanya dapat diatasi dengan bijaksana. Jika tidak, sehari dua ini tentulah pelbagai cerita yang boleh didengar.

Rakyat boleh menerima hakikat bahawa pada suatu hari nanti Dr Mahathir akan juga meletakkan jawatan dalam parti dan kerajaan. Tetapi, buat masa ini mereka belum boleh menerimanya kerana sumbangan beliau kepada bangsa, agama dan negara, masih diperlukan.

Perjuangan Dr Mahathir masih belum selesai. Sebagaimana komen beberapa pemerhati, sekalipun Dr Mahathir mahu mengundurkan diri, beliau boleh melakukannya secara berperingkat-peringkat dan mengambil masa yang panjang. Pengumumannya melepaskan semua jawatan parti dan kerajaan serentak menyebabkan rakyat tersentak, tergamam dan tidak tahu apa yang boleh mereka lakukan, walaupun Dr Mahathir begitu yakin Umno sudah berada pada tahap yang begitu kukuh sekarang.

(END)